

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : MAJLIS PEMBUKAAN PERSIDANGAN 'ISLAM DAN KEADILAN'
Lokasi :
Tarikh : 03-06-1993

Terlebih dahulu, bagi pihak Institut Kefahaman Islam Malaysia, saya adalah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas kesudian Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr.

Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri, bagi merasmikan pembukaan persidangan "Islam dan Keadilan" anjuran IKIM ini.

Yang Amat Berhormat Dato Seri adalah pengasas institut ini, dan oleh itu, kami di IKIM senantiasa mengharapkan kesudian Yang Amat Berhormat Dato Seri memberi kami, dari masa ke semasa, garis panduan berhubung dengan arah haluan kegiatan-kegiatan kami. Sebagai kelazimannya, setiap kali Yang Amat Berhormat Dato Seri menyampaikan amanat, masyarakat Malaysia khususnya, dan masyarakat dunia amnya akan memperolehi sudut pandangan atau perspektif baru di atas perkara atau tajuk yang dibincangkan.

IKIM setakat ini telah menjalankan program kerjanya dengan mengadakan Kongres, Persidangan, Bengkel, dan juga Dialog dengan pemimpin-pemimpin agama-agama bukan Islam.

IKIM juga sedang berusaha memberi kefahaman Islam di atas tajuk-tajuk yang tertentu menerusi penulisan rencana dalam ruangan tetap yang diberikan oleh akhbar-akhbar tempatan berbagai bahasa iaitu UTUSAN MALAYSIA, BERITA HARIAN, NEW STRAITS TIMES, STAR dan SIN MIN DAILY. Selain itu IKIM menerbitkan tiga majallah iaitu PERSPEKTIF IKIM, VISI IKIM, dan yang akan terbit JURNAL IKIM. IKIM sedang giat menterjemahkan tiga buku masyhur Islam, iaitu Al-Rihlah, Fatol Al-Bulden dan Ma'alim al Minhaj al-Islamiy. Adalah diharapkan bahawa menerusi aktiviti-aktiviti seperti ini, maka masyarakat Malaysia akan lebih memahami akan perspektif-perspektif Islam.

IKIM akan terus mengadakan persidangan, Seminar dan Bengkel dalam usaha mencapai objektifnya. Pada 25 Jun 1993 ini, akan diadakan satu seminar dengan Wartawan-Wartawan Kanan bukan Islam daripada akhbar-akhbar Malaysia. Pada Bulan Julai Seminar mengenai "Islamic Values and Management" akan diadakan di Kuching. Pada bulan Ogos, IKIM akan menganjurkan bersama dengan pihak Malaysia-American Commission on Educational Exchange (MACEE), satu conference mengenai "U.S. Perception of Islam and Malaysia Perception of Islam in the U.S.", khusus untuk ketua-ketua eksekutif syarikat-syarikat kepunyaan Amerika Syarikat dan peserta-peserta lain yang berminat di mana sarjana-sarjana daripada Amerika Syarikat dan pakar-pakar kita sendiri akan berbincang. Pada bulan September IKIM dengan kerjasama Goethe- Institute, Germany akan mengadakan Seminar mengenai "The Role and Influence of Religions in Society" selama seminggu. Di persidangan ini, pakar-pakar agama daripada Germany akan mengadukan pendapat-pendapat mereka dengan pakar-pakar kita sendiri. IKIM juga akan menganjurkan satu seminar mengenai 'Islam dan Produktiviti' pada tahun ini.

IKIM telah memilih tajuk "Islam dan Keadilan" oleh kerana perkara ini amat penting dalam konteks keadaan dalam negara kita, dan dunia antarabangsa. Islam menuntut setiap individu berlaku adil dalam menjalani kehidupan sehariannya.

Terdapat 20 ayat al-Qur'an yang menyebut secara langsung mengenai keadilan dengan menggunakan akar kata "adil". Ini menunjukkan betapa pentingnya keadilan itu dalam ajaran Islam. Di dalam Islam, tuntutan supaya berlaku adil bukan hanya terkena ke atas pengamal dan pembentuk undang-undang dan kehakiman, tetapi kepada setiap diri individu. Bersikap dan berlaku adil, kepada diri sendiri, kepada keluarga, masyarakat dan negara dan kepada alam sekitar adalah menjadi kewajipan setiap individu tanpa kecualinya. Keadilan menurut pandangan Islam adalah merupakan tunggak syariah Islam. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap orang Islam untuk berlaku adil dalam semua tindakan dan tingkah lakunya di sepanjang hayatnya didunia. Ruang lingkup perbincangan keadilan di dalam Islam amat luas. Ia meliputi perbincangan keadilan dalam bidang- bidang kehakiman, ekonomi, sosial, politik, pemerintahan dan pentadbiran negara, dan juga alam persekitaran.

IKIM telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat umum. Bagi seminar pada kali ini, seramai 186 peserta telah mendaftar dan antaranya 56 orang terdiri daripada peserta- peserta bukan Islam; 11 orang peserta adalah daripada luar negeri; iaitu daripada Singapura, Thailand, Philippines, dan Indonesia.

Terima kasih kepada Y.Bhg. Tan Sri Dato' Jaafar bin Hussein, Gabenor Bank Negara, di atas kemurahan hatinya mengizinkan kegunaan kemudahan-kemudahan Bank Negara bagi menjayakan seminar ini. Dengan ini, saya adalah dengan hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato Seri untuk menyampaikan ucapannya dan seterusnya merasmikan persidangan ini.